

**TITAH UCAPAN**  
**D.Y.M.M TUANKU RAJA PERLIS**  
**SEMPENA PERASMIAN PEMBUKAAN PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA,**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS YANG KETIGA BELAS**  
**1 OGOS 2017**



Assalammu'alaikum Warahmatullah Wabarakatuh

Segala pujian ke hadrat Allah S.W.T, Tuhan Maha Esa lagi Maha Berkuasa yang telah menciptakan alam semesta dan setiap kejadian di dalamnya.

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, seluruh ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Yang Berhormat Speaker Dewan Undangan Negeri,

Yang Amat Berhormat Menteri Besar,

Ahli-Ahli yang Berhormat dan Hadirin Sekalian,

1. Alhamdulillah, dengan penuh takzim dan kerendahan diri, Beta merafak setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah kurnia serta izinNya, kita dapat hadir bersama-sama di pagi ini untuk menyempurnakan

Perasmian Pembukaan Penggal Persidangan Kelima, Dewan Undangan Negeri Perlis Yang Ketiga Belas.

2. Beta berharap sidang kali ini berjalan lancar dan sempurna. Semoga perbahasan dapat dilakukan dengan penuh kematangan dan berhemah. Kemukakan cadangan dan pandangan yang memberikan impak positif kepada pembangunan negeri dan kesejahteraan rakyat.

3. Tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah berusaha dengan gigih dan bekerja keras untuk membawa pembangunan demi kemakmuran negeri yang berterusan. Harapan Beta, usaha-usaha pembangunan ini dapat dipergiatkan lagi. Masih banyak lagi ruang dan peluang untuk memajukan negeri dan mengisi agenda pembangunan yang berorientasikan rakyat demi mencapai wawasan Perlis Negeri Bandaraya 2030.

4. Beta berharap agar semua penjawat awam sentiasa beriltizam dalam memberikan perkhidmatan terbaik, beramanah dan sentiasa berpegang kepada prinsip integriti dan *sense of urgency and priority*, rajin berusaha serta kuat bekerja demi memenuhi aspirasi Kerajaan dan rakyat. Kejayaan dan kemakmuran negeri dan negara lain harus dijadikan penanda aras dalam merencanakan agenda pembangunan negeri.

## **KEAMANAN DAN KESELAMATAN NEGARA**

5. Beta bersyukur kerana negeri kita aman dan semakin makmur. Keamanan yang kita nikmati ini tidak datang dengan sendiri. Ia adalah hasil dari usaha kita memupuk hubungan baik, keharmonian dan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum, agama dan budaya di negeri ini. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memastikan agar keamanan yang dinikmati ini kekal, malah diperkukuhkan lagi.

6. Tahniah juga Beta ucapkan kepada anggota-anggota pasukan keselamatan yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan negara yang kita cintai ini. Bagaimanapun Beta bimbang dengan kadar penyalahgunaan dan penagihan dadah dan air ketum dalam kalangan rakyat, khususnya golongan muda. Walaupun kadar jenayah besar dapat dibendung, tetapi kita tidak boleh alpa dengan kadar jenayah kecil. Ia perlu dibanteras dan dicegah.

## **KESTABILAN POLITIK DAN KEDAULATAN NEGARA**

7. Salah satu faktor penting dalam kesinambungan pembangunan dan kemakmuran negeri adalah kestabilan politik. Sukar untuk sesebuah Kerajaan berfungsi dengan berkesan dalam melaksanakan mandat rakyat sekiranya Kerajaan tidak mantap dan stabil. Oleh itu, Beta ingin menyeru agar kestabilan politik dan Kerajaan yang wujud kini tidak digugat bagi membolehkan agenda jangka panjang pembangunan negeri dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lancar. Kerajaan

yang lemah dan tidak stabil tidak mampu berfungsi dengan berkesan. Ini akan merugikan negeri dan rakyat.

8. Beta juga ingin menyeru agar seluruh kepimpinan di peringkat negeri dapat bekerjasama demi pembangunan negeri dan kemaslahatan rakyat Perlis. Ketepikan kepentingan diri yang sempit. Sebaliknya utamakan kepentingan rakyat. Elakkan tindakan ke arah perpecahan, tetapi mantapkan usaha perpaduan.

9. Jadikanlah konflik politik yang terjadi di banyak negara Islam sebagai pedoman dan pengajaran. Kita tidak mahu negeri yang telah kita bangukan bersama ini hancur kerana perbalahan sesama sendiri. Jangan pula kita membuka ruang kepada penglibatan dan campurtangan kuasa-kuasa luar yang hanya akan membawa lebih banyak keburukan dan kemusnahan. Jangan kita menggadaikan kedaulatan negara kita yang merdeka ini semata-mata untuk memuaskan nafsu dan kepentingan peribadi. Beta tidak mahu situasi “kalah jadi abu, menang jadi arang” terjadi pada negeri dan negara kita.

## **KONFLIK DAN PERPECAHAN AGAMA**

10. Kita telah menyaksikan bagaimana masyarakat Islam dan bukan Islam berkonflik dan berpecah kerana perbezaan fahaman dan ideologi agama. Lebih serius lagi sekiranya wujud konflik sesama masyarakat Islam sendiri. Beta bimbang sekiranya elemen sektarian mula menapak kerana ia akan menjerumuskan

masyarakat kita ke dalam kancah konflik sektarian seperti yang berlaku di banyak negara Islam sekarang ini.

11. Oleh itu, Beta ingin menyeru supaya sikap toleransi dalam kalangan masyarakat pelbagai agama diteruskan. Di masa yang sama, penerapan fikrah sunnah-wal-jamaah dalam kalangan masyarakat Islam pula perlu dimantapkan agar kita kekal berada di landasan Islam yang sebenar.

12. Kemajuan era internet turut mempunyai kesan buruk kepada masyarakat. Pelbagai masalah sosial, jenayah, penyebaran maklumat palsu dan lain-lain, berlaku hari ini. Kerana itu, pembangunan dakwah dan penerapan nilai-nilai murni perlu seiring dengan kemajuan era digital.

13. Beta ingin menyeru seluruh rakyat Perlis untuk mendalami, menghayati dan mengamalkan Islam yang berteraskan dalil yang sahih dari Al-Quran dan As-Sunnah. Adalah menjadi kewajipan setiap anggota pentadbiran negeri, penjawat awam, serta seluruh rakyat negeri Perlis menghayati tujuh (7) amanat yang telah disampaikan sempena Sambutan Hari Keputeraan ke 74 Beta baru-baru ini.

## **MEDIA SOSIAL DAN KESANNYA**

14. Beta dukacita kerana ada dalam kalangan rakyat menyalahgunakan media sosial untuk tujuan yang merosakkan seperti menyebarkan pembohongan dan fitnah. Sekiranya tidak dibendung, ia akan membawa banyak kemusnahan dalam masyarakat, menghancurkan perpaduan rakyat dan mengancam ketenteraman

awam. Beta menyeru agar pengguna dan pengamal media sosial lebih berhemah dalam menggunakannya.

15. Rakyat seharusnya memilih untuk menggunakan media sosial bagi meningkatkan pengetahuan dan mempelajari ilmu baru yang berfaedah. Malah media sosial dan teknologi internet ini boleh digunakan untuk mengembangkan ekonomi digital yang boleh menyumbang kepada tambahan pendapatan.

## **PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

16. Pembangunan modal insan yang kompeten, kreatif, inovatif, berdaya saing dan berjati diri menjadi keutamaan di era globalisasi yang dinamik dan semakin mencabar. Usaha mencapai status negara maju berpendapatan tinggi juga menuntut modal insan yang berfikiran aras tinggi dan berdikari. Para belia pula wajar memanfaatkan pelbagai program yang diperkenalkan Kerajaan untuk memajukan diri. Program Peningkatan Kapasiti dan Kapabiliti Kumpulan Khusus (PPKK) untuk belia Perlis menyediakan peluang pembelajaran teknikal yang relevan dengan keperluan industri terkini.

17. Beta berharap agenda menjadikan Perlis sebagai hub pendidikan akan diteruskan. Usaha perlu dipergiatkan untuk menarik lebih banyak lagi penubuhan institusi pengajian tinggi, dan pembelajaran bertaraf antarabangsa di Perlis yang akan menjadi tarikan kepada pelajar tempatan dan luar negara. Beta menyeru anak-anak Perlis supaya turut merebut peluang melanjutkan pengajian di institusi-institusi

ini. Bagi anak-anak kelahiran Perlis yang berjaya di perantauan, kembalilah untuk menabur bakti di Perlis dalam bidang kepakaran masing-masing.

18. Beta ingin menyarankan agar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam atau swasta agar dapat terus berusaha meningkatkan kerjasama dan pelaburan dari aspek kajian, perundingan dan penyelidikan. Ianya adalah penting agar rakyat Perlis mendapat faedah dan memanfaatkan penemuan-penemuan baru untuk pembangunan sosial dan ekonomi mereka.

## **PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN**

19. Menyedari cabaran ekonomi dunia kini, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat hendaklah terus bekerjasama erat dalam usaha memastikan kepentingan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. Peningkatan kos sara hidup menuntut Kerajaan mengambil langkah-langkah wajar agar tidak membebankan dan menjejaskan kualiti hidup rakyat. Kerajaan dan rakyat perlu berhemah dalam berbelanja. Elakkan berbelanja melebihi kemampuan yang boleh membawa kepada kemelut kewangan peribadi dan keluarga.

20. Perbelanjaan perlu dirancang dengan teliti mengikut kemampuan sendiri, dan elakkan pembaziran. Beta menyeru agar Kerajaan Negeri terus memantapkan pengurusan kewangan berhemah agar perbelanjaan dibuat dengan mengambil kira kepentingan rakyat dan aspek *value for money*.

21. Kerajaan perlu proaktif, kreatif, inovatif dan cekap dalam usaha meningkatkan hasil negeri. Hasil yang tinggi membolehkan Kerajaan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Kekesanan penguatkuasaan peraturan dan undang-undang perlu ditingkatkan untuk memastikan pematuhan dan mengelakkan ketirisan sumber.

## **PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN**

22. Alhamdulillah, ekonomi Malaysia semakin berkembang pesat setelah mengalami sedikit kemuraman pada tahun 2016. Petunjuk-petunjuk ekonomi yang positif di tahun 2017 dijangka akan turut memberikan impak positif kepada ekonomi Perlis.

23. Tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah berusaha meningkatkan pelaburan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, khususnya melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan berimpak tinggi seperti Kangar Jaya dan Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA). Kerjasama kukuh di antara Kerajaan Negeri dan Pusat melalui Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA) adalah penting bagi menjayakan CVIA terutama dalam usaha menarik pelaburan besar ke Perlis.

24. Beta gembira kerana pembinaan *Integrated Business Center* (IBC) di CVIA juga sedang rancak berjalan. Diharapkan ia dapat disiapkan mengikut jadual. Beta yakin projek Kangar Jaya, CVIA dan lain-lain akan menjadi pemangkin utama kepada transformasi landskap sosio-ekonomi rakyat dan negeri Perlis.



25. Beta berharap Kerajaan Negeri dapat menyegerakan pelaksanaan projek-projek berimpak tinggi seperti Kangar City Center (KCC) dan Projek Pembangunan Bercampur Kuala Perlis. Beta juga percaya bahawa Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk membawa lebih banyak lagi projek-projek pembangunan yang besar, berimpak tinggi, produktif dan mampan untuk kebaikan rakyat dan negeri Perlis. Pembangunan di sektor perkhidmatan dan pelancongan juga perlu diberikan perhatian. Beta berharap hasrat untuk menjadikan Perlis terutamanya kawasan Padang Besar sebagai hub lojistik utama negara akan menjadi kenyataan.

26. Lembangan Sungai Perlis dan Kuala Perlis perlu dibangunkan semula untuk menjadi pusat pelancongan utama. Begitu juga dengan Padang Besar yang merekodkan peningkatan pelancong yang tinggi sejak perkhidmatan *Electric Train Service* (ETS) dan komuter diperkenalkan lebih setahun lalu.

27. Beta juga gembira melihat banyak projek pembangunan awam sedang, dan akan dilaksanakan di Perlis. Diharapkan Kerajaan Pusat dapat merencanakan lagi pembangunan prasarana asas ini dalam usaha menjadikan Perlis sebagai destinasi pelaburan yang menarik di utara Malaysia. Perlis memerlukan pelaburan aktif swasta yang lebih besar untuk melonjakkan pembangunan ekonominya. Beta sedia maklum bahawa Perlis telah diperuntukkan siling peruntukan sebanyak RM242 juta di bawah Rolling Plan Ke-2, Rancangan Malaysia Ke-11.

## **PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN PELANCONGAN**

28. Keusahawan dan pelancongan adalah dua bidang yang saling berkait rapat. Peningkatan aktiviti pelancongan akan membuka pelbagai peluang perniagaan kepada pengusaha-pengusaha tempatan. Beta mencadangkan agar produk-produk pelancongan di sekitar Perlis dinilai kembali agar ia dapat digabung-jalin dengan bidang keusahawanan. Konsep kreatif pembangunan semula kilang bateri di Johor sebagai pusat membeli-belah kontemporari boleh dijadikan model contoh. Para usahawan pula harus sentiasa berusaha untuk memajukan diri tanpa terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan.

29. Beta tertarik dengan usaha Kerajaan Negeri untuk bekerjasama dengan pelabur swasta memajukan semula lokasi-lokasi pelancongan yang tidak diuruskan dengan sempurna dan terabai, seperti di Sungai Batu Pahat dan Wang Kelian. Kawasan-kawasan hutan simpan juga boleh dibangunkan sebagai potensi pelancongan yang berasaskan sukan dan pendidikan tanpa menjejaskan aspek pemeliharaan warisan alam semula jadi. Institusi-institusi pengajian tinggi disarankan untuk menyumbangkan khidmat penyelidikan bagi memajukan industri dan sektor pelancongan ini.

## **PERTANIAN**

30. Beta bersyukur kerana mangga harumanis Perlis begitu terkenal kini. Di samping usaha meningkatkan kualiti dan kuantiti pengeluaran, aspek pemasaran mangga harumanis juga perlu diberi perhatian supaya harganya kekal tinggi. Selain itu, usaha juga perlu dibuat untuk mempelbagaikan penggunaan dan memperkenalkan produk-produk hiliran harumanis. Ini akan dapat meningkatkan lagi pendapatan petani tanpa bergantung semata-mata kepada penjualan buah segar.

31. Selaras dengan slogan “Pertanian adalah Perniagaan”, Beta menyarankan para usahawan di Perlis supaya berani meneroka peluang-peluang perniagaan baru berasaskan pertanian untuk meningkatkan pendapatan seperti bidang perkhidmatan, pembuatan dan peruncitan. Kerajaan Negeri dan Pusat sentiasa menyediakan ruang dan peluang untuk membantu pertumbuhan usahawan. Walau bagaimanapun, usaha kuat, gigih dan bersungguh-sungguh adalah kunci kejayaan bagi usahawan yang ingin berjaya.

## **PERUMAHAN MAMPU MILIK**

32. Ramai lagi rakyat Perlis yang memerlukan kediaman terutamanya rumah mampu milik. Oleh itu usaha membangunkan projek perumahan mampu milik ini perlu digiat dan disegerakan di lokasi-lokasi yang sesuai. Harus ada usaha untuk memindahkan mereka yang mendiami kawasan rizab sungai terutama nelayan yang

terdedah kepada risiko banjir dan pencemaran sungai. Perumahan mampu milik yang sistematik diperlukan untuk mengubah cara hidup dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka sesuai dengan peredaran masa dan pembangunan semasa.

33. Beta ingin menyarankan agar wujud kerjasama erat dan kerjasama menang-menang di antara Kerajaan dan swasta untuk merealisasikan agenda perumahan bagi rakyat negeri Perlis.

### **MENANGANI KEMISKINAN**

34. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Pusat dalam memastikan setiap rakyat dapat keluar daripada status “Berpendapatan Rendah”, “Mudah Miskin” atau “Miskin Tegar”. Pemberian pelbagai bantuan kebajikan kepada golongan ini diharap dapat mengurangkan beban hidup yang mereka hadapi. Bantuan-bantuan ini wajar dijadikan pemangkin untuk golongan terlibat meningkatkan pendapatan serta menjadi produktif dan tidak terus-menerus bergantung kepada bantuan-bantuan yang diberikan.

### **PENJAGAAN ALAM SEKITAR**

35. Beta juga ingin mengingatkan bahawa pembangunan harus diseimbangkan dengan penjagaan alam sekitar. Satu pelan tindakan untuk mengawasi, memelihara dan memulihara alam sekitar perlu diadakan supaya pembangunan yang dilakukan tidak mencemar dan memusnahkan alam sekitar di negeri ini.

## **KESELAMATAN JALAN RAYA**

36. Setiap lapisan rakyat harus sedar tentang pentingnya keselamatan jalan raya. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama agar keselamatan jalan raya menjadi budaya dan amalan dalam kehidupan rakyat negeri Perlis. Justeru, beta ingin menyeru semua pihak yang terlibat untuk mengambil pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) untuk berkerjasama sebagai satu keluarga/pasukan dalam merealisasikan matlamat mengurangkan kemalangan di jalan raya.

37. Akhir sekali, sukacita Beta mengingatkan agar Ahli-Ahli Dewan yang bersidang dapat berhujah di Dewan yang mulia ini dengan tertib dan berhemah atas prinsip memperjuangkan kepentingan rakyat dan pembangunan negeri. Semua Ahli Yang Berhormat hendaklah mematuhi Peraturan-peraturan Tetap Dewan Undangan Negeri semasa bersidang supaya perjalanan sidang Dewan Undangan Negeri berjalan teratur dan sempurna, serta penuh rasa hormat-menghormati antara satu sama lain.

38. Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, apa juga tindakan dan perlakuan Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa menarik perhatian umum. Peliharalah adab dan tatasusila semasa dan selepas persidangan berlangsung.

39. Beta mengharapkan satu usaha, permuafakatan, keikhlasan, persefahaman dan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi semua pihak demi memastikan

kesejahteraan rakyat dan negeri kita. Semoga negeri ini terus dirahmati Allah S.W.T serta dilimpahi kemakmuran yang berterusan.

40. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, Beta dengan ini merasmikan Pembukaan Penggal Persidangan Kelima, Dewan Undangan Negeri Perlis Yang Ketiga Belas pada hari ini.

Sekian. Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.